

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

$2\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*




Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian aktiviti sukan lasak dan faedah menyertainya.

Huraikan pendapat anda tentang **faedah menyertai aktiviti sukan lasak kepada seseorang**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Faedah Menyertai Sukan Lasak

- Ketahanan mental dan fizikal
- Keyakinan diri
- Berani menghadapi cabaran



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Anda akan mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah ‘Pengurusan Masa Berkesan Melahirkan Individu Cemerlang’.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

- 2 Setiap anak memerlukan sokongan dan dorongan daripada ahli keluarga apabila menghadapi sesuatu masalah.

Jelaskan peranan yang dapat dimainkan oleh setiap ahli keluarga dalam membantu anak-anak ketika menghadapi sesuatu masalah.

- 3 Usaha kerajaan memajukan bidang pertanian memang wajar kerana bidang ini memberikan pelbagai kebaikan kepada rakyat dan negara.

Bincangkan.

- 4 Usaha membanteras penyeludupan dadah memerlukan kerjasama antara negara-negara di dunia.

Jelaskan bentuk-bentuk kerjasama tersebut.

- 5 Minat murid-murid terhadap karya sastera seperti novel, cerpen, puisi dan drama perlu dipupuk sejak awal lagi.

Huraikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Nov./Dis.

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan kaunselor dan langkah-langkah untuk menggalakkan murid mendapatkan khidmat kaunselor. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Murid-murid pasti sudah biasa mendengar perkataan kaunselor, tetapi sejauh manakah pengetahuan mereka tentang fungsi kaunselor? Ramai murid yang masih kabur tentang fungsi sebenar kaunselor dan kriteria individu yang memerlukan khidmatnya. Sebagai orang yang terlatih, kaunselor melaksanakan tugas berlandaskan pengetahuannya dalam bimbingan dan kaunseling yang mampu menangani sebahagian masalah di sekolah. Antara masalah yang dialami oleh murid ialah tekanan emosi. Dalam hal ini, fungsi kaunselor adalah untuk menolong murid mengenal pasti punca tekanan emosi tersebut, di samping memberikan bimbingan tentang cara menangani masalah yang dihadapi.

Walau bagaimanapun, kaunselor bukanlah berperanan untuk menyelesaikan masalah seperti tanggapan sesetengah pihak. Perkara ini perlu difahami oleh setiap murid yang mahu mendapatkan bantuan atau khidmat daripada kaunselor. Kaunselor sebenarnya berperanan untuk memandu murid memahami serta menerima keadaan diri sendiri supaya mereka dapat meningkatkan perlakuan yang baik dan mengurangkan perlakuan yang sebaliknya. Sehubungan dengan itu, murid tidak seharusnya menganggap bahawa mereka yang berjumpa dengan kaunselor merupakan individu yang bermasalah semata-mata. Tanggapan ini tidak benar sama sekali. Hakikatnya, apabila bertemu dengan kaunselor, murid akan dibantu untuk menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupannya seperti panduan memilih jurusan atau kerjaya yang sesuai dan bukan memberikan tumpuan terhadap masalah tertentu sahaja.

Kaunselor juga dapat membantu murid mengesan dan mengembangkan bakat dan minatnya. Hal ini penting supaya segala tindakan yang bakal dilakukan oleh murid selaras dengan apa-apa yang diingini agar mereka berpeluang membuat perancangan masa depan untuk mencapai matlamat hidup. Pada masa yang sama, kaunselor bertanggungjawab untuk membimbing murid memanfaatkan peluang bagi penyempurnaan kendiri. Pelaksanaan pelbagai program bimbingan dan kaunseling seperti ceramah, kursus dan kem motivasi akan membolehkan kaunselor memahamkan murid tentang hubungan mereka dengan masyarakat sekitar. Dalam hal ini, mereka akan dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya dan jiran-jiran. Selain itu, kaunselor juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri murid melalui sesi kaunseling yang dijalankan. Penyemaian nilai-nilai murni ini akan meningkatkan mutu disiplin murid-murid di sekolah.

Sesungguhnya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan kaunseling wajar dilaksanakan agar khidmat yang diberikan oleh kaunselor *mendapat kepercayaan* murid. Sikap profesional kaunselor dalam melaksanakan tugas hendaklah menjadi keutamaan demi menaikkan imej perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Memanfaatkan Khidmat Kaunselor'
oleh Nadiah Naufal,
Dewan Siswa, April 2012

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *mendapat kepercayaan*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa tanggapan yang salah tentang khidmat kaunselor di sekolah.

Nyatakan tanggapan-tanggapan yang salah tersebut.

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, selain mendapatkan khidmat kaunselor, apakah tindakan-tindakan yang wajar dilakukan oleh murid untuk menangani masalah yang dihadapi oleh mereka?

[4 markah]

*[Lihat halaman sebelah***SULIT**

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- CHONG : Kami rasa, kami sudah mempunyai kualiti-kualiti yang mencukupi sebagai sebuah negara model yang saudara sebutkan itu. Kami punya satu bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan untuk tujuan integrasi nasional.
- SALMAH : Kami punya satu agama rasmi, sementara agama-agama lain dibenar untuk dipraktikkan.
- CHANDRAN : Kami juga mempunyai satu kebudayaan nasional, yang mewakili seluruh cara hidup bangsa Malaysia.
- SALMAH : Kami hidup dengan baik dan dalam *suasana muhibah*. Dari segi makanan saja sudah cukup sebagai bukti.
- CHANDRAN : Misalnya, kalau orang India makan roti canai, orang Melayu dan orang Cina pun makan roti canai.
- CHONG : Kalau orang Cina makan kuetiau, orang Melayu dan orang India pun makan kuetiau.
- SALMAH : Kalau orang Melayu makan sambal belacan, orang Cina dan orang India pun makan sambal belacan! Demikianlah betapa harmoninya bangsa kami, bangsa Malaysia.
- CHONG : Kami ada etika kerja yang berdasarkan slogan Bersih, Cekap dan Amanah. Dengan etika itu kami berharap untuk meningkatkan produktiviti.
- SALMAH : Kami ada Dasar Ekonomi Baru sebagai strategi untuk menyusun semula masyarakat secara adil. Kami juga ada Rukun Negara sebagai panduan cara hidup masyarakat Malaysia. Ia diterima dengan baik. Apa, itu masih belum mencukupi?

Dipetik daripada drama ‘Forum Remaja’
oleh Sharif Shaary
dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *suasana muhibah*. [2 markah]
- (ii) Selain meningkatkan produktiviti, amalan etika kerja berdasarkan slogan Bersih, Cekap dan Amanah membawa banyak kebaikan.
Berikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan lain berdasarkan amalan etika kerja tersebut. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syahadan maka bertitahlah Yang Amtuan Raja Sulaiman kepada Opu Daeng yang berlima bersaudara, “Jikalau patut kepada akhir saya, jikalau baik serta dan suka Daeng yang berlima bersaudara boleh kita pakai. Jikalau belum baik rasanya, kita ubah pula. Jikalau boleh saya hendak berkhabar.”

Kata Opu Daeng yang berlima, “Silakanlah bertitah, boleh saya semua mendengar.”

Maka berkhabarlah Yang Amtuan Raja Sulaiman kepada Daeng yang berlima bersaudara itu. “Daeng Merewahlah kita jadikan Yang Amtuan Muda; dan Opu Daeng Chelak hendak saya kahwinkan dengan adik saya yang bernama Tengku Puan itu, lagi seorang yang belum berlaki. Maka adik saya yang tengah itulah diambil, dirampas oleh Yang Amtuan Raja Kecil dibawanya ke Siak dibuatnya bini.” Demikianlah khabar Yang Amtuan Raja Sulaiman. “Jikalau suka demikian itu, Daeng yang berlima bersaudara boleh saya dengar.”

Maka menjawablah Opu Daeng yang berlima bersaudara, “Baiklah. Jika demikian itu, muafakatlah saya lima bersaudara ini.”

Dan setelah selesai bicara demikian itu, maka *bermohonlah pulang kepada kenaikannya*.

Dipetik daripada
'Hikayat Opu Daeng Menambun'
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *bermohonlah pulang kepada kenaikannya*. [2 markah]
- (ii) Yang Amtuan Raja Sulaiman telah mengemukakan beberapa perkara kepada Daeng yang berlima bersaudara.
Nyatakan perkara-perkara tersebut. [3 markah]
- (iii) Yang Amtuan Raja Sulaiman telah berbincang dengan Opu Daeng yang berlima bersaudara sebelum membuat keputusan.
Pada pendapat anda, mengapakah baginda perlu berbincang? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mahsuri

(1)

Selendangmu mengibar di pantai
menyambut tetamu pulau
setiamu menjadi lagu
nyanyian ombak pagi
rambutmu menjadi jalur hitam
terapung di laut malam
air matamu dingin embun
jatuh di tujuh telaga
dendam tujuh keturunan
melengkung tujuh tanjung
putihlah pulau ini
disimbah darah suci
Mahsuri
sumpah itulah yang telah menghidupkan Langkawi
kerana tanpamu
Langkawi tidak sebegini.

(2)

Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup
dia hanya bermula dengan
khayalan seorang seniman
pun kata orang Mahsuri pernah hidup
tetapi bahasa seorang pencerita
membuatnya lebih hidup dari kehidupannya
sastera yang mewarnai tanah air
kerana tanpa Mahsuri
Langkawi tidak sebegini bererti.
Mahsuri membesar Langkawi
sastera membesar tanah air.

Zurinah Hassan

dalam antologi *Harga Remaja*,
Ikon Inter Active Sdn. Bhd.

- (i) Berikan maksud *khayalan seorang seniman*. [2 markah]
- (ii) Kisah Mahsuri merupakan satu legenda yang membuatkan Langkawi terkenal di seluruh dunia.
Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan untuk memastikan legenda Mahsuri terus hidup sebagai warisan sejarah? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

[*Lihat halaman sebelah*
SULIT]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukar atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan rangkai kata itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) putih bersih
- (ii) bersatu hati
- (iii) titik permulaan
- (iv) kenangan manis
- (v) berpandangan jauh
- (vi) menenangkan fikiran

[6 markah]

- (b) *Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat seperti yang berikut;*

Subjek : _____

Predikat : _____

- (i) Atlet muda itu telah mengharumkan nama Malaysia dalam Sukan Komanwel.
- (ii) Sejak di bangku sekolah lagi abang terkenal dengan sikapnya yang ringan tulang.
- (iii) Penjagaan pelbagai kemudahan yang terdapat di taman rekreasi menjadi tanggungjawab semua pihak.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Majlis dailog antara guru dengan ibu bapa akan diadakan dalam masa berdekatan untuk membincangkan masalah disiplin murid.
- (ii) Kerajaan telah memperuntukkan berbillion ringgit untuk persediaan prasarana di kawasan pedalaman.
- (iii) Demi memastikan keselamatan penumpang, pihak berkuasa sering menjalani pemantauan terhadap bas-bas ekspress terutamanya pada musim perayaan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sikap profesi yang ditunjukkan oleh pegawai itu amat dikagumi oleh saya.
- (ii) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah positif untuk memelihara seni muzik gambus supaya tidak pupus dimakan zaman.
- (iii) Sungai Melaka yang menyusur di tengah-tengah Bandar Raya Melaka di suatu masa dahulu amat kotor tetapi kini telah diperindah hingga menjadi daya tarikan pelancong.

[6 markah]

(e) *Berikan peribahasa yang bersesuaian dengan maksud peribahasa di bawah.*

- (i) Menurut sahaja kehendak orang lain.
- (ii) Segala keperluan sudah ada, hanya menanti masa untuk melakukannya.
- (iii) Orang yang bertuah mendapat keuntungan atau rezeki dari mana-mana sahaja.

[6 markah]

*[Lihat halaman sebelah
SULIT]*

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
 - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan cara watak utama menyelesaikan **satu konflik** yang dihadapinya. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, huraikan **satu latar masyarakat** yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT